

**Bashasunnahar Bin Puasa, Janudin Bin Sardi (Pm Dr.),**

**Ghazali Yusri Bin Abd Rahman (Dr.),**

**Muhamad Zaidi Bin Zakaria**

**Hazrati Binti Yahaya**

Akademi Pengajian Bahasa

Universiti Teknologi Mara

Shah Alam, Selangor

Abstrak: MOOC kursus ini bertujuan untuk melatih pelajar menggunakan teknologi maklumat dalam konteks bahasa Arab agar kemahiran komunikasi mereka dapat ditingkatkan. Pelajar didedahkan dengan dunia teknologi dan peranannya untuk mengaplikasikan bahasa Arab dalam konteks pembangunan kandungan bahasa Arab. Pelajar diajar menggunakan komputer dan internet melalui pengaktifan aksara Arab dalam pelbagai perisian seperti perisian pejabat, grafik, multimedia, aplikasi web dan e-pembelajaran. Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar melalui pembelajaran aktif, latihan praktik, perbincangan kumpulan, tugas, pembentangan dan projek amali. Semua kandungan disediakan dalam bentuk video, nota dan pautan ke sumber lain. Setiap topik diperkukuh dengan aktiviti-aktiviti dalam bentuk kuiz yang berbantuan aplikasi Web 2.0. Proses interaktif bagi kursus ini adalah melalui komen dan ruangan perbualan yang dapat meningkatkan kemahiran komunikasi.

Kata Kunci :Bahasa Arab, Teknologi Maklumat, Aplikasi Web 2.0 dan MOOC.

## **1. IPengenalan**

MOOC atau Massive Online Open Courses merupakan salah satu kaedah terkini yang menawarkan bentuk pembelajaran yang lebih berkualiti (Siemens, 2013), Menurut Liyanagunawardena, Adams, & Williams (2013) MOOC memberikan satu perspektif baru kepada tenaga pengajar serta pakar dalam mencari elternatif baru kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain untuk menarik minat para pelajar untuk belajar, ianya juga adalah satu nilai tambah kepada PdP secara e-learning serta pendidikan jarak jauh sedia ada (Zheng, 2015). MOCC sebagai satu platform pembelajaran sendiri kini telah menjadi trend hangat yang diaplikasikan dalam pelbagai disiplin ilmu terutamanya di peringkat pengajian tinggi (Hossain, Md. Shofiqul & Joanne, 2015). Justeru, pembangunan MOOC bahasa Arab dan teknologi maklumat ini adalah satu nilai tambah kepada kerencaman aplikasi MOOC pada masa kini.

## 2. Penyataan Masalah

Masa depan pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi sistem pendidikan tinggi Malaysia adalah berdasarkan kepada piawaian kualiti global. Bagi mencapai matlamat ini, pihak kementerian telah memberi galakan yang agresif ke atas MOOC sebagai satu platform untuk menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai asas kepada kurikulum.

## 3. Objektif Pembangunan

Objektif pembangunan MOOC :

- Untuk mengintegrasikan pengajaran dan pembelajaran subjek BAP453 Bahasa Arab dan Teknologi Maklumat di platform pembelajaran sendiri MOOC .
- Memberi pendekatan melalui persembahan yang lebih menarik agar pelajar lebih aktif dalam pembelajaran.
- Meningkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa Arab dan teknologi maklumat.

## 4. Novelti

Daya tarikan adalah elemen multimedia, interaktiviti dan akses fleksibel untuk pengguna bagi mengetahui kandungan dan aplikasi pautan. MOOC adalah inovasi untuk proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menggunakan ICT.


## 5. Kegunaan

Kegunaan MOOC ini:


- Pelajar LG242 yang mengambil subjek BAP453 Bahasa Arab Dan Teknologi Maklumat
- Pelajar pelajar lain atau orang awam yang ingin mempelajari bahasa Arab dan teknologi maklumat

## 6. Nilai Komersial


MOOC Bahasa Arab dan Teknologi Maklumat ini merupa inisiatif awal bagi membantu pelajar LG242 untuk kod subjek BAP453. walaubagaimanapun ia boleh diekses oleh sesiapa yang berminat untuk mempelajari subjek ini. Justeru itu, ia boleh dikomersialkan melalui yuran dalam talian atau proses lain yang sesuai.



Gambar 1: Paparan utama MOOC Bahasa Arab dan Teknologi Maklumat



Gambar 2 : Kandungan MOOC Subjek




Gambar 3: Contoh Kuiz / Latihan

A screenshot of a MOOC platform showing a list of students and their progress. The table has columns for Student ID, Student Name, Student Email, Student Date, Student Status, Completion Rate, Active Status, Progress, Comments, and % Course Completed. The data is as follows:

Student	ID	Name	Email	Date	Status	Completion	Active	Progress	Comments	% Course Completed
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%
MAHMOUD ALI ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	MAHMOUD ALI	MAHMOUD.ALI@UNIVERSITY	10 Sep 2017	MAHMOUD ALI	11/10/17	100%	0	0	100%

Gambar 4 : Sebagian pelajar yang Mengikuti MOOC



Gambar 5 : Contoh Tindak Balas Pelajar Menggunakan MOOC

## 7. Rumusan

Pembelajaran atas talian merupakan suatu pendekatan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk melancar dan memudahcara sesi pembelajaran masa kini. Di Universiti Teknologi Mara (UiTM), MOOC telah mula dipraktikkan sebagai salah satu dari kepelbagaian kaedah pengajaran yang ada masa kini. Para pelajar dapat menggunakan MOOC dengan bebas dan mengikut kemampuan diri serta mampu untuk mengulangi mana-mana bahagian subjek yang tidak difahami mengikut keperluan sepanjang mengikuti proses pembelajaran sesuatu subjek. Disamping itu para pelajar boleh mengemukakan perbincangan atau soalan mengenai tajuk yang kurang difahami. Manakala pengajar pula boleh memberi panduan dan huraian tambahan bagi membantu pelajar memahami tajuk yang sedang dipelajari.

Pendidikan pada masa hadapan, memerlukan setiap pengajar dalam semua bidang untuk memahirkan diri dengan ilmu IT termasuk dalam membangunkan MOOC. Kemahiran dalam ICT adalah satu kriteria penting dalam sistem pendidikan abad ke- 21. Sejalan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (KPM, 2013) menjadikan bidang teknologi pendidikan tunjang utama pembangunan alaf dinamik terhadap masa depan sistem pendidikan Malaysia.

## RUJUKAN

- Hossain, M. S. (2015). Hossain, Mohammad S., Md. Shofi A massive open online course (MOOC) can be used to teach physiotherapy students about spinal cord injuries: a randomised trial. *Journal of Physiotherapy*, 61(1), 21-27.
- Liyanagunawardena, T. R. (2013). MOOCs: A systematic study of the published literature 2008-2012 . *The International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 14(3), 202-227.
- Siemens, G. (2013). Massive open online courses: Innovation in education. . *Open educational resources: Innovation, research and practice*, 5, 5-15.
- Zheng, S. (2015). Retention in MOOCs: Understanding Users' Motivations, Perceptions and Activity Trajectories. . *Proceedings of the 33rd Annual ACM Conference Extended Abstracts on Human Factors in Computing Systems 2015* (pp. 247-250).